

RUU Gangguan Seksual jangka dibentang Mac

BH - 30/11/2020 m/s: 7



Pada masa ini terdapat kekangan dalam perundangan sedia ada seperti Akta Kerja 1955 dan Kanun Keseksaan.

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri

membuat panggilan kerana pada ketika ini, hanya satu syarikat telekomunikasi sahaja menawarkan perkhidmatan percuma untuk menghubungi Talian Kasih.

Pusat Talian Kasih merekodkan 25,868 panggilan pada 2019, meningkat 40 peratus berbanding 15,046 panggilan pada tahun sebelumnya. **BERNAMA**

Fokus tangani masalah, definisi menyeluruh, akta turut terpakai kepada lelaki

Putrajaya: Pengenalan akta berkaitan gangguan seksual dan profesion kerja sosial antara keutamaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata Rang Undang-Undang (RUU) Gangguan Seksual itu antara janji dalam manifesto Pakatan Harapan (PH), dijangka dibentangkan di Parlimen, Mac ini.

Beliau berkata, antara elemen dalam draf RUU itu termasuk de-

finisi gangguan seksual yang menyeluruh, mekanisme pengaduan dan penyelesaian lebih efektif, elemen remedi serta penalti, selain mengesyorkan standard pembuktian 'bersesuaian juga adil bagi pihak yang terbabit dalam kes berkenaan.

"Pada masa ini terdapat kekangan dalam perundangan sedia ada seperti Akta Kerja 1955 dan Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, Kanun Keseksaan tidak mendefinisikan gangguan seksual dengan terperinci.

"Ia turut meletakkan beban kepada mangsa untuk membuktikan melebihi keraguan munasabah yang memang amat sukar bagi kebanyakan kes gangguan seksual," katanya.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata demikian dalam satu temu bual khas bersama **BERNAMA** dan

RTM mengenai hala tuju KPWK di pejabatnya di sini.

Menurutnya, RUU itu juga terpakai kepada lelaki dengan mengambil kira gangguan seksual boleh dilakukan oleh lelaki terhadap lelaki, wanita terhadap lelaki atau wanita terhadap wanita.

Ketika ini, RUU itu sudah mendapat input dan pandangan pihak berkepentingan yang turut mencadangkan penambahbaikan sistem keadilan sedia ada dengan penubuhan tribunal khusus mendengar dan menangani kes gangguan seksual.

KPWKM juga katanya, sudah menggubal RUU Profesion Kerja Sosial bagi mengiktiraf profesion itu menerusi penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia.

"Majlis itu akan berfungsi mengawal selia profesion berkenaan melalui pendaftaran dan pera-

kuan amalan pekerja sosial berdaftar, selain menetapkan piawaian praktis dan pendidikan, menggalakkan pembangunan profesional serta meningkatkan imej profesion kerja sosial di Malaysia," katanya.

Draf RUU itu kini dalam peringkat akhir di kementerian sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata KPWK juga akan melancarkan Talian Kasih khas melalui aplikasi WhatsApp pada 30 Januari ini bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai khususnya golongan orang kurang upaya (OKU) bisu atau mempunyai kesukaran bercakap membuat aduan melalui aplikasi berkenaan.

Katanya, Talian Kasih melalui aplikasi WhatsApp adalah pilihan yang lebih murah berbanding